



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



GEOPOLITIK WANITA DALAM POLITIK PILIHAN RAYA MALAYSIA

THE GEOPOLITICS OF WOMEN IN MALAYSIAN ELECTORAL POLITICS

Junaidi Awang Besar^{1*}

¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: jab@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 07.06.2022

Revised date: 29.06.2022

Accepted date: 13.07.2022

Published date: 09.09.2022

To cite this document:

Awang Besar, J. (2022). Geopolitik Wanita Dalam Politik Pilihan Raya Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 190-204.

DOI: 10.35631/IJLGC.729014.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Peranan wanita dalam politik pilihan raya di seluruh dunia termasuk di Malaysia tidak dapat disangkal lagi. Mereka memainkan peranan yang penting dalam politik pilihan raya sama ada sebagai ahli jentera parti politik mahupun termasuk dalam senarai kepimpinan utama sesebuah negara bahkan dalam pertubuhan besar sedunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sebagainya. Oleh itu, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk mengkaji geopolitik atau pengaruh atau peranan wanita dalam politik dengan menjadikan Malaysia sebagai kajian kes. Berdasarkan rujukan keputusan pilihan raya umum di Malaysia dan sumber sekunder iaitu artikel jurnal, buku akademik, kertas seminar dan laporan penyelidikan, dapatan kajian menunjukkan bahawa wanita sememangnya berperanan atau berpengaruh dalam menentukan geopolitik di Malaysia meskipun tidak dapat menguasai secara majoriti atau sepenuhnya dari segi penentuan calon dan pembuatan keputusan di negara ini. Wanita berperanan sebagai pengundi, perayu undi, jentera kempen, objek untuk meraih undi (kecantikan wajah dan kelembutan bersuara), ahli parti politik, penceramah parti politik, ahli strategi parti politik, penasihat kepada suami sebagai pemimpin, kepimpinan dalam parti politik, calon dalam pilihan raya, wakil rakyat dan sebagai pemimpin utama dalam kerajaan. Oleh itu peranan wanita dalam politik pilihan raya tidak boleh dikesampingkan kerana mereka dapat menentukan kemenangan parti politik dan keberkesanan serta kejayaan dalam sesuatu struktur politik seperti parti politik dan kerajaan.

Kata Kunci:

Wanita, Geopolitik, Politik Pilihan Raya, Ahli, Kepimpinan

Abstract:

The role of women in electoral politics around the world, including in Malaysia, is undeniable. They play an important role in electoral politics either as members of the political party machinery or included in the list of key leaders of a country or even in major world organizations such as the United Nations and so on. Therefore, it is the purpose of writing this article to study the geopolitics or the influence or role of women in politics by making Malaysia as a case study. Based on general election results in Malaysia and secondary sources such as journal articles, academic books, seminar papers and research reports, the findings show that women do play a role or influence in determining geopolitics in Malaysia despite not being able to control the majority or full of in terms of candidate determination and decision-making in the country. Women act as voters, vote appellants, campaign machinery, objects to win votes (facial beauty and softness of speech), political party members, political party speakers, political party strategists, advisers to husbands as leaders, leadership in political parties, candidates in elections, people's representative and as a key leader in government. Therefore, the role of women in electoral politics cannot be ruled out because they can determine the victory of political parties and the effectiveness and success of a political structure such as political parties and governments.

Keywords:

Women, Geopolitics, Electoral Politics, Members, Leadership

Pengenalan

Politik pilihan raya melibatkan semua pihak yang melangkaui umur matang dan boleh berfikir dengan waras dan rasional. Ini termasuk golongan wanita yang turut menjadi warga sesebuah negara yang berhak bersuara dan menjadi pemimpin kepada rakyat jelata. Peranan wanita dalam politik pilihan raya sesebuah negara dan juga pada peringkat organisasi antarabangsa tidak dapat disangkal. Beberapa contoh nama besar pemimpin wanita dunia dikenali semua pihak termasuk di negara ini. Antara nama besar seperti Queen Elizabeth II yang mengetuai kerajaan monarki Great Britain, Margaret Hilda Thatcher (bekas Perdana Menteri United Kingdom/Britain), Angela Merkel (bekas Kaunselor Jerman), Theresa May (bekas Perdana Menteri Britain), Indira Ghandi (bekas Perdana Menteri India), Halimah Yacob (Presiden Singapura), Megawati Sikarnoputri (bekas Perdana Menteri Indonesia), Yingluck Shinawatra (bekas Perdana Menteri Thailand), Sirimavo Bandaranaike (bekas Perdana Menteri Sri Lanka) dan Gloria Macapagal Arroyo (bekas Presiden Filipina). Kini iaitu sehingga Mei 2022, terdapat beberapa pemimpin tertinggi negara yang masih disandang oleh wanita seperti di Bangladesh (Perdana Menteri Sheikh Wasina Wajeed), Tsai Ing Wen (Presiden Taiwan), Perdana Menteri New Zealand (Jacinda Ardern), Perdana Menteri Finland (Sanna Marin), Perdana Menteri Sweden (Magdalena Andersson), Perdana Menteri Denmark (Mette Frederikson) dan lain-lain. Di Malaysia, beberapa nama besar pemimpin wanita pernah menjadi Menteri penuh seperti Fatimah Hashim, Tan Sri Aishah Ghani, Tan Sri Datin Paduka Zaleha Ismail, Tan Sri Dato' Seri Rafidah Aziz, Dato' Napsiah Omar, Dato' Seri Siti Zaharah Sulaiman, Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Dato' Seri Azalina Othman Said, Dato' Seri Noraini Ahmad, Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail, Teresa Kok Suh Sim dan banyak lagi. Ini menunjukkan bahawa Wanita berperanan dalam menentukan keputusan politik negara dalam perkara tertentu. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk

menganalisis geopolitik atau pengaruh atau peranan wanita dalam politik dengan menjadikan Malaysia sebagai kajian kes.

Kajian Lepas: Wanita Dalam Politik Pilihan Raya

Terdapat banyak kajian lepas berkenaan penglibatan wanita dalam politik pilihan raya baik dalam negara mahupun luar negara. Nik Zainab (1979) menjelaskan bahawa wanita Melayu Kelantan menyumbang kepada perkembangan politik sejak dalam proses perjuangan menuntut kemerdekaan lagi. Manderson (1981) dalam buku yang bertajuk 'Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972' menjelaskan bahawa proses sosialisasi politik mempengaruhi penyertaan politik wanita Melayu terutamanya dalam menyesuaikan diri menjadikan pergerakan kaum Ibu UMNO sebagai satu-satunya sayap wanita yang berjaya dan memberi manfaat kepada wanita Melayu umumnya. Noraini & Rokiah (1984) menyatakan bahawa taraf hidup wanita bandar dan luar bandar mempengaruhi jenis penyertaan dalam politik.

Danzc (1987) telah mengkaji peranan dan fungsi sayap wanita dalam parti politik dalam UMNO, MIC dan MCA. Wanita menyumbang kepada pengukuhan parti seterusnya berperanan dalam meraih undi untuk menyokong BN. Chamil (1988) mengkaji peranan dan perjuangan yang dimainkan oleh wanita dalam politik yang bermula sejak penubuhan Malayan Union lagi. Bagi Majelar (1993) dalam kajiannya tentang sumbangan wanita Kelantan dalam pilihan raya mendapati bahawa sumbangan wanita Melayu dapat dilihat dalam beberapa segi seperti mengundi, sebagai penceramah dari rumah ke rumah selain daripada menjadi ahli parti politik. Menurut beliau lagi wanita Kelantan memberi sumbangan yang agak besar dalam bidang politik begitu juga dengan pengaruh undi mereka dalam memberi kemenangan kepada seseorang calon, memandangkan peratus wanita yang keluar mengundi adalah hampir sama dengan lelaki. Sesungguhnya sumbangan wanita dalam bidang politik tidak boleh dipandang remeh.

Fatimah (1994) menjelaskan bahawa wanita berperanan sebagai ahli parti politik dan membantu ketika kempen pilihan raya. Rashila (1995) menjelaskan bahawa terdapat cabaran bagi wanita dalam dunia politik iaitu pandangan serong masyarakat, kurang masa, agama, kurang modal, wanita tidak boleh menjadi pemimpin dan bias gender dalam parti politik. Saliha (1995) menyatakan bahawa ideologi berkesan dalam mendasari perjuangan kaum wanita. Rubiah (1995) menyatakan bahawa umur dan pendidikan wanita mempengaruhi pilihan politik wanita di Kota Bharu. Golongan wanita tua cenderung kepada PAS manakala wanita memihak kepada BN/UMNO manakala wanita berpendidikan agama cenderung kepada PAS. Kamsaini (1996) mendapati bahawa wanita adalah aset yang penting bagi parti dan calon yang bertanding di Kelantan, kerana setia memberikan sokongan. Pendidikan mempengaruhi wanita Kelantan untuk menceburkan diri dalam politik dan membuat penilaian parti yang disokong.

Hibah (1997) dalam buku yang bertajuk 'Penglibatan Wanita dalam Politik Mengikut Perspektif Islam' menjelaskan bahawa Islam tidak mengenal pembahagian tugas aktiviti sosial antara lelaki dan wanita. Kedua-dua jenis makhluk ini sama-sama bertanggungjawab menjaga agama dalam pelbagai bidang. Wanita boleh bergiat dalam politik namun perlu dibentengi oleh lelaki kerana dunia politik penuh dengan kekasaran, fitnah dan tribulasi oleh musuh, oleh itu mereka perlu berganding bahu dalam aktiviti politik.

Hasil kajian Sumbangan Wanita Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Pasir Puteh Kelantan oleh Mohd Shardi (1999) mendapati keseluruhan wanita memberikan sumbangan terbesar sebagai pengundi dengan 92 peratus daripada mereka keluar mengundi pada hari pembuangan undi. Sebanyak 70 peratus responden merasakan wanita amat perlu bertindak sebagai pegawai penerangan parti untuk meningkatkan lagi jumlah pengundi dan pemimpin wanita yang bertanding dalam pilihan raya. Umumnya, penglibatan wanita sebagai pekerja parti kurang aktif memandangkan hanya 27 peratus daripada mereka yang terlibat dalam kerja-kerja parti semasa pilihan raya. Keseluruhannya, fungsi dan sumbangan terbesar kaum wanita semasa pilihan raya adalah sebagai pengundi yang bertanggungjawab.

Usha Rane (1999) dalam Latihan Ilmiah yang bertajuk 'Tingkah Laku dan Partisipasi Politik Kaum Wanita India: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Tambun, Perak' menjelaskan bahawa pengaruh pendidikan, pendapatan, jenis pekerjaan dan tempat tinggal mempengaruhi tingkah laku dan partisipasi politik kaum wanita India. Faktor di ruangan seperti media massa, kempen pilihan raya dan isu pilihan raya turut mempengaruhi mereka.

Zeenath (2001) dalam buku yang bertajuk 'Women in Feminism and Politics: New Directions Towards Islamization' menjelaskan bahawa ajaran Islam mengangkat martabat wanita dalam kehidupan bersama lelaki dengan pengiktirafan kepada mereka dalam perkara yang berkaitan ekonomi dan politik. Justeru, wanita boleh maju ke hadapan dengan idea serta kudrat mereka sendiri demi memajukan peranan wanita pada masa akan datang.

Azan Fikri (2002) dalam kajian persepsi dan penerimaan penubuhan puteri UMNO dalam kalangan beliawanis Pasir Mas Kelantan mendapati golongan beliawanis 54 peratus adalah tidak berminat dengan puteri UMNO dan 45 peratus adalah berminat. Kajian juga mendapati golongan beliawanis masih lagi merujuk kepada keluarga dalam membuat keputusan. Golongan beliawanis juga lebih mementingkan pendidikan berbanding terlibat dalam politik tanah air.

Pejabat Perhubungan Awam Negeri Selangor (2002) dalam buku 'Wajah Amanah dan Wawasan Biografi Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan 1999-2004' menjelaskan bahawa YB Datin Paduka Hajjah Mesrah Selamat sebagai ADUN Jeram, Kuala Selangor sememangnya dikenali pengundi di Jeram kerana banyak aktiviti kemasyarakatan telah disertai beliau di kawasan Jeram melalui platform NGO, UMNO dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan.

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (2003) dalam buku yang bertajuk 'The Progress of Malaysian Women Since Independence 1957-2000' menyatakan bahawa penglibatan wanita dalam politik Malaysia sejak merdeka hingga tahun 2000 semakin meningkat. Mereka sedar tentang pentingnya wanita dalam pembuatan keputusan penting negara demi untuk mengangkat martabat wanita kepada tahap yang lebih baik dari semasa ke semasa.

Nasir (2005) dalam buku yang bertajuk 'Wakil Pilihan Rakyat: Direktori Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri 2004-2009' menjelaskan bahawa YB Dato' Khamsiah Yeop sebagai ahli Parlimen Lenggong, Perak antara ahli politik wanita terkenal di negara ini yang juga merupakan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Beliau merupakan seorang ahli politik wanita yang berpengalaman dalam memajukan wanita ketika

memegang jawatan dalam UMNO di peringkat bahagian, Negeri Perak seterusnya di peringkat nasional.

Makmor (2006) dalam buku yang bertajuk 'Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak' menjelaskan bahawa Kerajaan Malaysia responsif terhadap tuntutan berkaitan isu dan kepentingan wanita yang diartikulasikan oleh National Council of Women's Organisations (NCWO). Selain membuat tuntutan, NCWO juga turut membantu mendokong sistem politik dengan menyediakan pelbagai sumber kepada kerajaan yang sekali gus membolehkan politik Malaysia menjadi stabil.

Noorun Nashriah (2008) dalam bab dalam prosiding yang bertajuk 'Kepimpinan Wanita Dalam Politik Dan Hala Tuju Polisi Awam Malaysia: Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12' menjelaskan bahawa terdapat "trademark" yang dibawa oleh calon wanita PKR dan PAS yang mana seakan-akan memberi gambaran terhadap identiti parti yang disertai oleh mereka. Malah dalam temubual ini juga, isu-isu dan strategi yang dibawa oleh calon wanita sewaktu pilihan raya umum ke-12 telah dapat dikenal pasti. Justeru itu, di akhir kajian ini akan dapat melihat kesan penglibatan wanita dalam proses politik dan juga kesan penyertaan tersebut terhadap halatuju penggubalan Polisi Awam di Malaysia. Zaherawati (2008) dalam bab dalam prosiding yang bertajuk 'Peranan Wanita Dalam Politik dan Pembangunan di Malaysia' menyatakan bahawa wanita adalah pelengkap untuk menguruskan pembangunan dan penglibatan dalam politik negara yang akan memberi satu paradigma baru dalam kedudukan mereka dalam kerajaan.

Nadrawina (2008) dalam bab dalam prosiding yang bertajuk 'Refleksi Wanita Dan Politik Di Negeri Sarawak: Satu Kajian Perbandingan Dalam Pilihan Raya Parlimen Dan Dewan Undangan Negeri Sarawak' menjelaskan bahawa partisipasi wanita sebagai calon dalam pilihanraya Parlimen dan DUN di negeri Sarawak masih rendah. Dalam hal ini, wanita terlibat dalam partisipasi politik kerana mereka adalah sebahagian daripada sistem politik yang sedia ada. Partisipasi mereka penting dan diperlukan kerana ia menjelaskan kesedaran politik wanita dalam menangani isu yang berkaitan dengan mereka. Dalam proses ini, kegiatan yang ditentukan oleh kerajaan akan melibatkan semua perkara yang berhubungkait dengan kerajaan termasuk struktur, fungsi dan dasar-dasar Kerajaan. Sehubungan itu, isu tentang wanita yang disuarakan oleh wanita sendiri boleh memberikan impak positif kepada pemerintah untuk melaksanakan dasarnya untuk kepentingan semua termasuk wanita dan bukannya kepentingan sesetengah golongan sahaja. Justeru, di dalam politik, kegiatan yang bermatlamatkan kepentingan awam adalah yang diutamakan.

Mohd Fuad (2009) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Wanita Malaysia dan politik' menjelaskan bahawa penglibatan wanita dalam aktiviti politik dan membuat keputusan memperlihatkan kemampuan mereka bersama-sama lelaki untuk berperanan dalam pembangunan sosioekonomi negara. Namun mereka mestilah berilmu dan menggunakan pendekatan politik baru dan lebih komited agar hak dan masalah wanita dapat ditangani dengan berkesan.

Roslan (2009) dalam buku yang bertajuk 'Wakil Pilihan Rakyat: Direktori Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri Malaysia Penggal Ke-12' menyatakan bahawa YB Datuk Rosnah Haji Abdul Rashid Shirlin merupakan ahli Parlimen Papar, Sabah yang juga menjawat Timbalan Menteri Kesihatan. Beliau pernah memegang jawatan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Sabah yang juga merupakan seorang peguam. Beliau meningkat naik dalam

politik Sabah bermula dari bawah sebagai AJK cawangan, AJK UMNO Negeri Sabah sehinggalah sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO pusat. Beliau bergiat dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan di Sabah melalui parti politik dan agensi kerajaan dengan jayanya.

Zahiruddin (2012) dalam buku yang bertajuk 'Cerita Kak Wan' menjelaskan kesetiaan dan ketabahan Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail sebagai isteri kepada ahli politik iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim wajar dijadikan contoh dan teladan kepada isteri ahli politik betapa pentingnya kesabaran dalam menghadapi hari demi hari dalam dunia politik yang penuh mehnah, tribulasi dan kekejaman yang tiada belas ehsan. Kekentalan Dato' Seri Wan Azizah telah teruji dan wajar diberi peluang untuk terlibat dalam kancah politik yang lebih mencabar. Zahiruddin (2013) dalam buku yang bertajuk 'Cerita Kak Wan: Citra Pesona Seorang Wanita' menjelaskan bahawa Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail merupakan seorang ahli politik wanita yang dikentalkan oleh dugaan. Beliau mempunyai banyak idealisme, kenangan, suka, duka dalam politik.

Roslina & Nor Hayati (2013) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Pemimpin dan Isu-isu Politik Menjelang PRU-13: Perspektif Wanita Terengganu' menjelaskan bahawa wanita di Terengganu lebih cenderung menyokong BN. Ini kerana mereka bersikap positif terhadap dasar Kerajaan BN Terengganu dan isu yang memihak kepada BN. Namun keadaan ini boleh berubah pada hari kempen dan pengundian kerana faktor calon yang ditampilkan mestilah mesra perempuan dan tidak pernah menyinggung perasaan wanita.

Nurul Izzah (2014) dalam buku yang bertajuk 'Masa Depan Masa Kita!' menjelaskan bahawa suara rakyat perlu didengar, diambil perhatian dan diambil tindakan kerana ahli politik naik kerana rakyat, oleh itu berkhidmatlah kepada rakyat sehabis baik mungkin. Beliau menyatakan lagi bahawa jika diberi peluang oleh rakyat untuk berkhidmat, beliau yakin seluruh rakyat akan menterjemah kepimpinan, risalah kebenaran serta keadilan dalam semua bentuk yang baik untuk membina kembali kegemilangan insaniah bertakwa sebagai khalifah di muka bumi fana ini.

Sharifah Syahirah & Rashila (2016) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Mitos Demokrasi dan Politik Gender di Malaysia' menjelaskan bahawa dalam PRU 2013, semua parti politik masih belum mempraktikkan dasar 30 peratus wanita sebagai calon dalam pilihan raya. Walaupun terdapat sedikit peningkatan calon wanita dalam PRU 2013 namun masih tidak menampakkan proses demokrasi yang baik dari perspektif gender.

Badlihisam & Khazani (2016) dalam kertas kerja yang bertajuk 'Muslimat PAS dan Pendekatan Politik Matang' menjelaskan bahawa pendekatan politik matang dan sejahtera dalam muslimat PAS memperlihatkan politik dan dakwah mereka yang lebih moderat dan sederhana. Pendekatan ini lebih mesra, tidak memaksa dan berhikmat bagi memaparkan Islam sebagai ajaran yang baik dan dapat diterima semua lapisan masyarakat.

Nik Safiah et al. (2016) dalam buku yang bertajuk 'Biografi Tokoh Wanita Kelantan Jilid 1' menjelaskan bahawa Allahyarham Hajah Ilani Isahak merupakan ahli politik wanita Kelantan lulusan Undang-Undang yang banyak berjasa kepada wanita Kelantan ketika menjadi ahli Parlimen Kota Bharu dan ketika dalam Wanita UMNO Malaysia. Nik Safiah et al. (2020) dalam buku yang bertajuk 'Biografi Tokoh Wanita Kelantan Jilid 2' menjelaskan bahawa Datuk Hajah Siti Jeliha@Zaleha Hussin merupakan seorang tokoh politik wanita Kelantan yang berjasa di peringkat negeri Kelantan dan juga Persekutuan dengan memegang pelbagai

jawatan yang dapat memperbanyak lagi aktiviti kemasyarakatan pada peringkat negeri dan Persekutuan.

Ummu Atiyah & Zaireeni (2017) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Women Representation in the Malaysian Politics' menjelaskan bahawa masa depan dan halatuju wanita dalam politik bergantung kepada tiga perkara iaitu terdapat banyak halangan atau tembok berbentuk struktural dan berpunca daripada mereka sendiri; kesanggupan pihak berkuasa memberikan tanggungjawab kepada wanita iaitu jawatan tertinggi seperti menteri penuh; dan minat dan kesanggupan wanita untuk bertanding dalam sesuatu pilihan raya. Kartini (2017) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Women and Politics: Social Construction and Deconstruction' menjelaskan bahawa undi wanita adalah penting dalam sesuatu pilihan raya. Mereka boleh menentukan kemenangan parti politik yang bertanding. Oleh itu, parti politik perlu memberikan ruang yang lebih luas kepada wanita untuk bertanding pada pilihan raya akan datang.

Muhammad Rahimi & Bahiyah (2017) dalam artikel jurnal yang bertajuk 'Pembangunan Kepimpinan Wanita: Membina Ilmu Watan Bagi Kepimpinan Wanita Menerusi Kehidupan Tun Fatimah Hashim' menjelaskan bahawa pemugaran, penerokaan dan penelitian terhadap kepimpinan Fatimah Hashim ternyata memberikan sudut pandang tempatan dalam korpus kajian kepimpinan wanita. Dengan mengetengahkan sudut pandang para sarjana tempatan, asas-asas pengupayaan dan pemberdayaan wanita untuk melonjakkan diri ke mercu kepimpinan dapat diusulkan berdasarkan realiti pembangunan kepimpinan wanita yang diharungi Fatimah Hashim. Oleh yang demikian, kajian ini mengusulkan pembinaan ilmu watan kepimpinan wanita dipergiatkan agar penteorian kajian wanita bernuansa tempatan dapat diperkaya, lantas diperteguhkan.

Adibah Yasmin & Mahfudzah (2018) dalam buku yang bertajuk 'Representasi Politik Wanita di Parlimen Singapura dan Malaysia' menjelaskan bahawa representasi wanita dalam parlimen adalah penting bagi mewujudkan keseimbangan gender dalam mendepani pelbagai isu yang berbangkit terutamanya yang melibatkan isu wanita, keluarga dan anak.

Zeenath (2018) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'From Kaum Ibu to Kaum Reformasi' menjelaskan bahawa keputusan PRU 2018 telah membawa perubahan institusi dalam sejarah politik Malaysia kerana buat pertama kali dalam sejarah bahawa Timbalan Perdana Menteri dilantik dalam kalangan pimpinan wanita iaitu Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail. Namun diharap penglibatan wanita dalam kepimpinan tinggi negara dapat ditingkatkan lagi menuju 30 peratus pada masa akan datang.

Khoo (2018) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Wan Azizah-the Other Doctor in the House' menjelaskan bahawa penglibatan Dr. Wan Azizah selama 20 tahun dalam politik negara ini diharap dapat menjadi 'dokter politik' agar dapat merawat politik negara yang semakin teruk 'sakitnya' menuju PRU 2018.

Fatimi, Zulkanain & Arbai'ah (2018) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Dorongan Penglibatan Wanita Melayu dalam Politik di Malaysia, 1999-2008' mendapati bahawa wanita penting dalam mewarnai senario politik baharu di Malaysia. Peranan dan sumbangan wanita dalam pentadbiran negara dapat memberi keseimbangan dan kestabilan dalam pembangunan negara. Mereka juga dilihat mampu menghadapi cabaran dan halangan dalam

memperjuangkan hak dan keperluan mereka setanding dengan kaum lelaki di samping memberi saingan yang sengit kepada kaum lelaki.

Kartini & Zaireeni (2019) dalam buku yang bertajuk 'Penglibatan Wanita dalam Pilihan Raya' menjelaskan bahawa walaupun penglibatan wanita masih belum mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus dalam politik, namun sumbangan dan keberadaan wanita dalam politik, pilihan raya dan ruang awam telah menampakkan impak substantif kepada negara dan masyarakat.

Fatimi, Arba'iyah & Muhammad Shamsinor (2019) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Penglibatan Wanita Sebagai Wakil Rakyat Parlimen: Analisis Keputusan' menjelaskan bahawa penglibatan wanita dalam politik di Malaysia semakin meningkat sejak mutakhir ini. Wanita juga mampu memacu dan berusaha sendiri untuk menjadi wanita berjaya dan berkualiti termasuk menjadi wakil rakyat.

Nor Rafidah, Sity & Mohd (2020) dalam buku yang bertajuk 'Pemeriksaan Penglibatan Politik Wanita di Malaysia: Kepimpinan dan Gender' menghujahkan bahawa kemampuan kepimpinan wanita tidak dipengaruhi oleh gender sebaliknya hanya mempengaruhi gaya kepimpinannya sahaja. Pemeriksaan penglibatan wanita dalam badan perundangan negara bukan sahaja dapat mengubah keadaan politik semasa tetapi juga dapat mengubah pandangan masyarakat terhadap kemampuan wanita sebagai pemimpin.

Azizan & Kartini (2021) dalam buku yang bertajuk 'Dasar Wanita Negara: Mengarusperanakan Gender dalam Sektor Politik dan Pekerjaan' menyatakan bahawa orientasi gender dalam politik memerlukan masa yang panjang untuk direalisasikan dengan mengambil kira faktor budaya, amalan serta norma yang telah diterapkan dalam masyarakat.

Husna (2021) dalam temu bual bersama Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail iaitu bekas Timbalan Perdana Menteri dalam buku 'Ordinary Women Extraordinary Lives' menyatakan bahawa beliau merupakan seorang wanita yang hebat kerana berperanan dalam pelbagai perkara iaitu sebagai Doktor Perubatan, sebagai isteri, sebagai ibu, sebagai ahli Parlimen dan terakhir sebagai bekas Timbalan Perdana Menteri. Ketabahan dan kebijaksanaan beliau berperanan dalam banyak perkara tersebut menjadikan beliau seorang 'public figure' yang dihormati kawan dan lawan seantero negara dan antarabangsa.

Hishammuddin (2022) dalam buku tulisan beliau yang bertajuk 'Merakam Sejarah: "Turun Jalan Raya Menang Pilihan Raya"' menjelaskan bahawa faktor pembawaan imej politik dengan ucapan pidato politik yang tuntas, teratur dan jelas dalam mengajukan garis perjuangan oleh Wan Azizah Wan Ismail iaitu isteri kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim turut menjadi pemangkin kepada kemenangan PH menawan Putrajaya dalam PRU 2018.

Metod Kajian

Bagi penulisan artikel ini, kedua-dua metod atau kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan untuk memantapkan dapatan kajian seterusnya mengukuhkan perbincangan kajian. Kaedah kualitatif melibatkan pengalaman hidup yang sebenar sebagai tindak balas kepada penterjemahan dan kefahaman kehidupan manusia serta realiti dunia sebenar. Data yang diperoleh daripada kaedah ini kebiasaannya tidak berstruktur tetapi memiliki skop yang amat mendalam. Teknik penyelidikan kualitatif yang digunakan dalam penulisan artikel ini adalah

bersifat pandangan analitikal penulis berdasarkan kepada pengetahuan, pengalaman dan pemikiran rasional penulis sendiri yang bersifat asli. Kaedah kuantitatif lebih melibatkan data berangka. Kaedah ini turut digunakan bagi membuktikan atau menyanggah sesuatu hipotesis dan mampu menghasilkan penemuan baru. Selain itu, kaedah ini juga berupaya untuk menghasilkan keputusan yang tepat, sah, boleh dipercayai dan objektif dalam skop data kajian. Data kuantitatif dan maklumat kualitatif bagi penulisan artikel ini diperoleh dengan menggunakan data pilihan raya di Malaysia manakala data sekunder pula diperoleh melalui rujukan sekunder terhadap bahan-bahan bercetak yang berkenaan daripada laporan, kertas kerja, artikel jurnal, buku ilmiah, buku prosiding, buku rujukan ilmiah dan jurnal. Data pilihan raya di Malaysia dan bahan daripada sumber sekunder digarap bersekali mengikut lunas akademik seterusnya menghasilkan penulisan analisis tersebut yang berkesan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Dari segi pengaruh geopolitik wanita di negara ini, mereka berperanan sebagai pengundi, perayu undi, jentera kempen, objek untuk meraih undi (kecantikan wajah dan kelembutan bersuara), ahli parti politik, penceramah parti politik, ahli strategi parti politik, penasihat kepada suami sebagai pemimpin, kepimpinan dalam parti politik, calon dalam pilihan raya, wakil rakyat (ADUN dan ahli Parlimen) dan sebagai pemimpin utama dalam kerajaan.

Bagi peranan wanita sebagai pengundi, dalam sistem pilihan raya demokrasi, tidak dapat dinafikan bahawa wanita mempunyai hak untuk turun mengundi sepertimana orang lelaki mengundi. Wanita mempunyai pengaruh dalam menentukan calon atau parti politik mana yang mereka akan mengundi. Dalam konteks Teori Tingkah Laku Mengundi, terdapat satu model yang disebut Model Sosiologi iaitu pengundi mengundi sesuatu calon atau parti politik kerana latar belakang demografinya serupa dengan pengundi tersebut. Justeru, terdapat sebahagian pengundi wanita yang akan mengundi kerana jantina calon tersebut serupa dengannya iaitu juga seorang wanita. Oleh itu, parti politik yang mengemukakan calon wanita akan disokong oleh pengundi wanita namun terdapat juga wanita yang mengundi kerana faktor lain seperti faktor parti politik yang diwakili, faktor isu, faktor ekonomi, faktor janji pilihan raya, faktor simpati, faktor sanak saudara dan sebagainya

Seterusnya, peranan wanita sebagai perayu undi juga penting bagi memastikan aktiviti memancing undi dapat dijayakan oleh sesuatu parti politik. Wanita mempunyai ciri-ciri tutur kata lemah lembut dan wajah yang dapat melembutkan hati pengundi. Wanita juga seorang yang penyabar dan dapat berhadapan dengan provokasi dengan baik. Sifat lembut mereka juga mendorong pengundi untuk berasa belas kasihan seterusnya dapat menerima kedatangan wanita kepada pengundi dengan baik dan tenang. Kebanyakan jentera parti menurunkan wanita terutamanya golongan muda untuk merayu atau meraih undi. Bagi pengundi yang rasional akan menerima kedatangan mereka untuk merayu undi dengan baik namun soal mengundi adalah hak mutlak pengundi itu sendiri. Terdapat pengundi yang terpengaruh dengan pujuk rayu wanita tersebut bergantung kepada sejauhmana perayu undi wanita tersebut dapat meyakinkan mereka untuk mengundi calon atau parti politik perayu undi wanita tersebut.

Berikutnya adalah wanita sebagai jentera kempen. Kekuatan sesuatu ketumbukan parti politik bergantung kepada kekuatan jentera kempennya. Terdapat sesetengah pengundi yang menyokong parti politik atau calon kerana kekuatan jentera parti politik. Ini kerana, pengundi tersebut berpandangan bahawa jika sesuatu calon atau parti politik menang maka aktiviti dan program pembangunan fizikal, kemasyarakatan dan sosioekonomi akan dijalankan dan

dijayakan jentera parti. Jika jentera parti lemah atau lumpuh ataupun tiada maka sesuatu aktiviti kemasyarakatan dalam tempoh 5 tahun tersebut akan gagal. Dalam konteks wanita, mereka dikenali sebagai individu yang sangat komited dalam menggerak dan menjayakan sesuatu aktiviti. Mereka juga teliti, berkemahiran, berpengetahuan, berpengalaman dan berdisiplin dalam menjalankan sesuatu aktiviti. Sebagai contohnya, dalam UMNO terdapat Pergerakan Wanita UMNO yang mempunyai dua pasukannya yang tersendiri iaitu Jalanan Rakyat yang mempunyai lebih 200,000 ahli di seluruh Malaysia untuk berkempen bagi merayu pengundi atas pagar bagi menyokong UMNO/BN; dan Skuad Sayang yang terkenal dengan slogan 3K iaitu Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan bagi membantu masyarakat yang tidak bernasib baik di seluruh Malaysia. UMNO juga mempunyai jentera wanita mudanya yang digelar Puteri UMNO dengan skuad kesukarelawanannya. PAS pula terkenal dengan muslimat PAS dan ameerah PAS, AMANAH dengan Angkatan Wanita (AWAN) dan PKR dengan cabang wanita dan Angkatan Muda KeADILan sayap wanita muda. Justeru, peranan wanita sebagai jentera kempen yang berkesan tidak dapat dinafikan lagi kebenarannya.

Di samping itu, wanita juga dianggap sebagai objek untuk meraih undi (kecantikan wajah dan kelembutan bersuara). Terdapat parti politik yang meletakkan calon wanita terutamanya golongan muda dan berkelulusan tinggi untuk meraih sokongan daripada pengundi. Parti politik juga akan memilih calon wanita yang cantik dan berwajahkan lembut dan mesra demi mendapat sokongan pengundi. Biasanya terdapat sebahagian pengundi lelaki yang akan terpengaruh dengan calon wanita yang cantik dan berkelulusan tinggi, lantas mengundi calon tersebut kerana faktor perawakan atau wajah calon dan kredibiliti atau kelayakan calon. Sebagai contohnya, pada PRU 2018, DAP menampilkan beberapa calon wanita yang muda, cantik dan profesional untuk bertanding dalam PRU 2018 seperti Hannah Yeoh di Parlimen Segambut, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Teo Nie Ching di Parlimen Kulai, Johor; Yeo Bee Yin di Parlimen Bakri, Johor; Young Syefura Othman di DUN Ketari, Pahang; Jamaliah Jamaluddin di DUN Bandar Utama, Selangor; Syerleena Rashid di DUN Seri Delima, Pulau Pinang; Michelle Ng Mei Tze di DUN Subang Jaya, Selangor; dan Liow Cai Tung di DUN Johor, Jaya, Johor. Kesemua calon tersebut menang di kawasan yang ditandingi masing-masing. BN melalui MCA dan GERAKAN juga ada menampilkan calon wanita yang cantik dan berkelulusan tinggi namun tewas di kawasan yang ditandingi. Namun terdapat beberapa calon wanita daripada Puteri UMNO yang menang dalam pilihan raya seperti Datuk Khaidhirah Abu Zahar atau Dira Abu Zahar di DUN Rim, Melaka dalam PRN Melaka 2021; dan Norliza Noh di DUN Johor Lama dalam PRN Johor 2022. Calon wanita yang cantik dan memiliki suara yang lemah lembut juga akan memastikan bagi yang terpilih sebahagai wakil rakyat dapat berhadapan dengan pengundi dengan perasaan ceria, tenang, sedap mata memandang seterusnya diyakini dapat menyelesaikan sesuatu permasalahan yang baik dan bijaksana.

Seterusnya, wanita juga berperanan sebagai ahli parti politik. Sebagai ahli parti politik, banyak perkara yang dapat dilakukan untuk menyumbang kepada pengukuhan parti politik yang disertainya. Antaranya untuk mengaktifkan kegiatan atau aktiviti parti politik, menghulurkan bantuan dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan kepada parti politik yang disertai, mengundi dalam pilihan raya, berkempen kepada orang lain untuk menyertai parti politik dan mengundi dalam pilihan raya, dan bertindak sebagai jentera parti. Dengan status sebagai ahli atau orang parti maka wanita dilihat lebih dekat dengan parti dari semasa ke semasa bagi memastikan parti politik yang disertainya terus relevan, aktif dan kekal dalam persada politik kawasan, negeri dan negara.

Selain itu, wanita juga boleh menjadi penceramah kepada parti politik. Biasanya wanita yang berpengalaman, berpendidikan, berkemahiran, berpengetahuan dan boleh menarik perhatian khalayak akan dijadikan sebagai penceramah parti terutamanya dalam ceramah kelompok tertutup. Penceramah wanita sesuai untuk audien wanita kerana mereka tahu cara untuk menarik perhatian rakan segender mereka dan secara psikologinya mereka tahu kaedah atau cara untuk memastikan audien dapat menerima maklumat yang diceramahkan kepada mereka. Wanita boleh berceramah secara emosi demi menarik perhatian pendengar untuk memastikan pendengar dapat menerima maklumat yang diceramahkan seterusnya dapat diterjemahkan dalam bentuk sokongan undi pada pilihan raya yang akan datang.

Selanjutnya, wanita juga boleh memainkan peranan sebagai ahli strategi parti politik. Mereka boleh dilantik sebagai pemikir bagi menghasilkan strategi atau taktik ketika kempen pilihan raya terutamanya kepada pengundi wanita. Strategi yang ditawarkan mereka disesuaikan dengan sifat pengundi wanita yang dilihat dekat dengan isu ekonomi dan kestabilan rumah tangga. Strategi yang dinasihati mereka juga lebih teliti, konsisten dan sesuai mengikut keadaan semasa. Apa yang penting, strategi yang dirangka dan dirancangkan mereka bertujuan untuk mengukuhkan parti dan menambahkan sokongan kepada parti yang disertai dari semasa ke semasa.

Seterusnya, wanita juga boleh menjadi penasihat dan penenang kepada suami sebagai pemimpin. Ini dapat dilihat apabila seseorang wanita itu menjadi isteri kepada kepimpinan utama seperti isteri kepada Perdana Menteri, kepada Menteri, kepada Menteri Besar dan kepada wakil rakyat. Wanita boleh menemani dan memberi nasihat kepada suami/pemimpin yang boleh memanfaatkan rakyat dan wanita juga boleh menyertai persatuan isteri wakil rakyat yang mempunyai pelbagai aktiviti dari semasa ke semasa. Dikala suami dalam keadaan tegang, resah dan penat berpolitik, isteri ahli politik boleh berperanan menasihati, memberi pandangan dan membuat teguran membina demi kebaikan mereka bersama dan juga untuk rakyat jelata.

Berikutnya, wanita juga boleh menyertai kepimpinan dalam parti politik. Mereka boleh memegang jawatan dalam parti politik seperti dalam sayap wanita/muslimat, pemuda/puteri/srikandi dan juga di peringkat tertinggi dalam parti seperti AJK kawasan/bahagian/cabang, ketua, timbalan ketua dan naib ketua. Biasanya wanita ini dipilih berdasarkan kekananan mereka dalam parti dan mempunyai aura atau karisma tertentu yang boleh diangkat sebagai kepimpinan parti. Mereka mempunyai kebolehan berceramah, lantang memberikan idea/pandangan, merangka strategi, dan bijaksana dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Berdasarkan data 1996, terdapat 48 orang wanita yang memegang jawatan tertinggi dalam parti politik di Malaysia iaitu hanya 11.4 peratus daripada 420 jawatan utama dengan selebihnya iaitu 372 didominasi oleh lelaki. Justeru, wanita masih boleh diangkat sebagai kepimpinan pada peringkat tertentu jika ahli bawahan dapat menerima dengan baik dan tenang.

Di samping itu, wanita yang berkaliber, pernah berjasa kepada parti dan rakyat, mempunyai idea yang bernas, petah berkata-kata, diterima pengundi pada semua lapisan dan calon boleh menang juga boleh diangkat sebagai calon dalam pilihan raya. Pada peringkat pencalonan, semua parti politik dapat mengemukakan calon wanita masing-masing, namun pemilihan sebagai wakil rakyat bergantung kepada majoriti pengundi di kawasan yang ditandingi tersebut. Setelah wanita tersebut dipilih sebagai calon oleh parti politik atau sebagai calon Bebas dalam sesuatu pilihan raya, calon tersebut akan mula berdepan dengan pengundi dalam

siri kempen pilihan raya seperti berucap dalam ceramah, mengadakan walkabout bertemu dengan pengundi di tempat tumpuan awam, menyertai aktiviti kemasyarakatan dalam tempoh kempen, melawat pengundi di kawasan perumahan dan sebagainya. Biasanya, jika wanita bertanding di kawasan kubu kuat parti tersebut maka adalah tidak menjadi halangan kepada wanita tersebut untuk dipilih dalam pilihan raya. Pemilihan wanita sebagai calon bergantung kepada beberapa kriteria seperti kuota calon wanita, calon dikenali, kawasan majoriti wanita, kawasan tradisi ditandingi wanita dan sebagainya. Dalam PRU 2018 di Malaysia, untuk kerusi Parlimen, seramai 75 calon wanita bertanding pada PRU tersebut dengan 32 orang telah menang (42.7 peratus), manakala bagi kerusi DUN, seramai 177 calon wanita bertanding pada PRU tersebut dengan 62 orang telah menang (35.0 peratus). Secara keseluruhannya bagi kerusi Parlimen yang berjumlah 222, 190 diwakili oleh lelaki manakala 32 diwakili wanita (14.4 peratus). Justeru, semua parti politik masih mengemukakan calon wanita supaya parti tersebut dilihat tidak meminggirkan wanita dan berani mengetengahkan calon wanita dalam sesuatu pilihan raya.

Seterusnya, wanita juga berperanan sebagai wakil rakyat (ADUN dan ahli Parlimen). setelah menang dan terpilih sebagai wakil rakyat, wanita yang bergelar Yang Berhormat (YB) akan menjalankan khidmat kepada pengundi melalui Pusat Khidmat ADUN/Ahli Parlimen untuk menerima dan cuba menyelesaikan masalah sosioekonomi pengundi, melawat kawasan bertemu dengan pengundi, berucap dan merasmikan program atau prasarana yang baharu dibina, berurusan dengan pihak swasta atau NGO atau Kerajaan untuk projek pembangunan fizikal dan sosioekonomi dan berucap menyuarakan masalah rakyat/pengundi di Dewan Rakyat/Parlimen dan DUN. Pada PRU 2018, terdapat 32 ahli Parlimen dan 62 ADUN daripada wanita. Justeru, politik Malaysia masih mengiktiraf dan menerima wanita sebagai wakil rakyat di kawasan yang mereka wakili.

Fakta yang terakhir adalah wanita juga berperanan sebagai pemimpin utama dalam kerajaan sama ada dalam Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri. Selepas PRU 2018, terdapat 4 orang menteri dan juga 4 orang Timbalan Menteri adalah daripada wanita. Terdapat juga wanita yang dilantik sebagai EXCO Kerajaan Negeri di kesemua negeri terutamanya bagi jawatan EXCO Wanita, Keluarga dan masyarakat. Sebagai Menteri atau EXCO Kerajaan Negeri, wanita terlibat dalam pembentukan dasar kerajaan dengan memberi idea pembangunan bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang terutamanya portfolio yang berkaitan dengan wanita, keluarga, masyarakat dan perpaduan. Selain itu, sebagai pemimpin utama negeri dan negara, wanita juga terlibat dalam merasmikan atau melancarkan program Kerajaan Persekutuan dan Negeri sama ada pada peringkat, negeri, negara malahan antarabangsa. Justeru, peranan wanita dalam geopolitik negara ini masih ada dan tidak diketepikan meskipun belum mencapai 30 peratus daripada keseluruhan kepimpinan negara.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, wanita sangat memainkan peranan dalam geopolitik sesebuah negara mahupun pada peringkat organisasi antarabangsa. Ramai antara mereka yang bijak berfikir dalam menentukan keputusan penting negara dan antarabangsa meskipun mereka dilihat sebagai makhluk ciptaan Tuhan yang emosional. Gerak kerja mereka teliti, sistematik, teratur, mengurus berdasarkan objektif, disiplin, pentingkan kesempurnaan yang memberikan manfaat kepada semua pihak, konsisten dan lebih setia berbanding lelaki. Wanita juga merupakan seorang yang penyabar dalam kehidupan ini berbanding lelaki. Ini dapat dibuktikan, semasa mereka mengandung selama 9 bulan lebih dan melahirkan anak yang dikandung. Mereka berpengalaman dalam membesarkan anak dengan penuh kasih sayang

dan mempunyai sifat belas kasihan dan perlindungan yang tinggi kepada anaknya. Sifat ini menjadi pengalaman dan tabiat kepada mereka dan dapat diterjemah kepada sebarang bentuk gerak kerja lain termasuk dalam bidang pengurusan dan politik pilihan raya. Ciri-ciri positif ini membolehkan mereka diberikan kepercayaan oleh majoriti ahli untuk memimpin atau mengetuai sesuatu parti politik, organisasi mahupun dalam kerajaan. Oleh itu, semua pihak perlu memberikan peluang kepada mereka untuk memimpin sesuatu organisasi agar hasil kerja atau keputusan penting yang dibuat oleh mereka adalah untuk kebaikan bersama tanpa mengira jantina, darjat, kaum, bangsa dan sebagainya.

Rujukan

- Adibah Yasmin Alias & Mahfudzah Mustafa. (2018). *Representasi Politik Wanita di Parlimen Singapura dan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azan Fikri Ahmad. (2002). Persepsi dan penerimaan penubuhan Puteri UMNO dalam kalangan beliawanis Pasir Mas Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizan Zainuddin & Kartini Aboo Talib@Khalid. (2021). *Dasar Wanita Negara: Mengarusperdanakan Gender dalam Sektor Politik dan Pekerjaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badlihisam Mohd Nasir & Khazani Abdullah. (2016). Muslimat PAS dan Pendekatan Politik Matang. Dlm. Badlihisam Mohd Nasir, Asmak Husin & Nurhafilah Musa. *Wanita Islam Kontemporari: Isu-isu, Cabaran & Amalan Terbaik*. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Chamil Wariya. (1988). *UMNO (Baru): Kelahiran dan Perkembangan Awalnya*. Kuala Lumpur: K. Publishing & Distributors.
- Danzc, V.H. (1987). *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Fatimah Abdullah. (1984). Wanita dan Politik Kelantan. Dalam Seminar Pembangunan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 13 Januari 1984.
- Fatimi Hanafi, Arba'iyah Mohd Noor & Muhammad Shamsinor Abdul Azzis. (2019). Penglibatan Wanita Sebagai Wakil Rakyat Parlimen: Analisis Keputusan. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hibah Rauf Izzat. (1997). *Penglibatan Wanita dalam Politik Mengikut Perspektif Islam*. Petaling Jaya: The International Institute of Islamic Thought (IIITM).
- Hishammuddin Rais. (2022). *Merakam Sejarah: "Turun Jalan Raya Menang Pilihan Raya"*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Husna Kassim. (2021). An interview with the first woman deputy Prime Minister of Malaysia. In Kamilia Ibrahim, Wan Faridah Wan Jaafar, Halijah Ibrahim, Ann Anton, Saodah Wok, Ruhana Harun, Norlia Shaari & Husna Kassim. *Ordinary Women Extraordinary Lives*. Kuala Lumpur: Yayasan Wiba Prima.
- Kamsaini Hassan. (1996). Pola Tingkahlaku Pengundi Wanita Melayu Kelantan: Kajian Kes di kawasan Parlimen Kota Bharu dan Pasir Mas. Latihan Ilmiah, Jabatan Geografi, UKM.
- Kartini Aboo Talib@Khalid. (2017). Women and Politics: Social Construction and Deconstruction. In Mohd Azizuddin Mohd Sani & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan. *Democracy at Work in Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Kartini Aboo Talib@Khalid & Zaireeni Azmi. (2019). *Penglibatan Wanita dalam Pilihan Raya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. (2003). *The Progress of Malaysian Women Since Independence 1957-2000*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.
- Khoo Boo Teik. (2018). Wan Azizah-the Other Doctor in the House. In Francis Loh & Anil Netto (Eds), *Regime Change in Malaysia: GE14 and The End of UMNO-BN'S 60-Year Rule*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Majelar Mamat. (1993). Sumbangan Wanita Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Nilam Puri (P.22), Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Makmor Tumin. (2006). *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Manderson, L. (1981). *Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohd Fuad Mat Jali. (2009). Wanita Malaysia dan politik. Dlm Aishah@Eshah Mohamed, Sulong Muhamad, Zaidah Mustapha & Rokiah Ismail. *Peranan, Hak dan Penyesuaian Hidup Wanita di Malaysia*. Bangi: Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Shardi Saripuden. (1999). Sumbangan wanita dalam pilihan raya: Kajian kes Pasir Puteh, Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Rahimi Hasan & Bahiyah Abdul Hamid. (2017). Pembangunan kepimpinan wanita: Membina ilmu watan bagi kepimpinan wanita menerusi kehidupan Tun Fatimah Hashim. *Kajian Malaysia*, 35(1), 91-116.
- Nadrawina Haji Isnin. (2008). Refleksi wanita dan politik di Negeri Sarawak: Satu kajian perbandingan dalam pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Sarawak. Dlm. Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Nasir Safar. (2005). *Wakil Pilihan Rakyat: Direktori Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri 2004-2009*. Kuala Lumpur: Kaedah Kota Management (M) Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim, Rahimah Haji Ahmad, Azizah Hamzah, Zainun Ishak, Wan Tik Sakinah & Farok Zakaria. (2016). *Biografi Tokoh Wanita Kelantan Jilid 1*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Nik Safiah Karim, Rahimah Haji Ahmad, Azizah Hamzah, Zainun Ishak, Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain & Rosmani Omar. (2020). *Biografi Tokoh Wanita Kelantan Jilid 2*. Petaling Jaya: ZIT Publishing.
- Nik Zainab Abdul Karim. (1979). Sumbangan Wanita Melayu Kelantan dalam Bidang Pelajaran, Ekonomi dan Politik ke arah Pembangunan Negara. Dalam Seminar Wanita Malaysia Masa Kini, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin. (2020). *Pemeriksaan Penglibatan Politik Wanita di Malaysia: Kepimpinan dan Gender*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Othman & Rokiah Ismail. (1984). Penyertaan Politik di kalangan wanita bandar dan desa. Dlm. Hairi Abdullah (Pnyt.). *Kemiskinan Golongan Berpendapatan Rendah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Noorun Nashriah Ramli. (2008). Kepimpinan wanita dalam politik dan hala tuju polisi awam Malaysia: Kajian kes Pilihan Raya Umum Ke-12. Dlm. Worrnan Hj. Kabul, Shireen

- Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Nurul Izzah Anwar. (2014). *Masa Depan Masa Kita!*. Shah Alam: Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd.
- Pejabat Perhubungan Awam Negeri Selangor. (2002). *Wajah Amanah dan Wawasan Biografi Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor Darul Ehsan 1999-2004*. Shah Alam: Pejabat Perhubungan Awam Negeri Selangor.
- Rashila Ramli. (1995). *Pembangunan Politik dan Gender dalam Pilihan Raya 1995: Cabaran dan Strategi bagi Calon Wanita*. Dlm. Seminar Politik dan Pilihan Raya di Malaysia ke arah Pemantapan Demokrasi. Universiti Kebangsaan Malaysia, 19 Julai 1995.
- Roslan Mohammed. (2009). *Wakil Pilihan Rakyat: Direktori Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri Malaysia Penggal Ke-12*. Kuala Lumpur: Kaedah Kota Management (M) Sdn. Bhd.
- Roslina Ismail & Nor Hayati Sa'at. (2013). *Pemimpin dan isu-isu politik menjelang PRU-13: Perspektif wanita Terengganu*. Dlm. Shamsul AMri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Edtr.). *PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi*. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Rubiah Yusof. (1995). *Peranan dan Kedudukan Wanita dalam Politik Kelantan*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saliha Hassan. (1995). *Penglibatan Politik Wanita dari Sudut Pandangan Calon-Calon Wanita dalam Pilihan Raya 1995*. Dlm. Wacana Kehidupan dan Pembangunan Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 29-30 Ogos 1995.
- Sharifah Syahirah Syed Sheikh & Rashila Ramli. (2016). *Mitos demokrasi dan politik gender di Malaysia*. Dlm. Mohamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. *Pilihan Raya Umum ke-13: Refleksi Politik Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ummu Atiyah Ahmad Zakuan & Zaireni Azmi. (2017). *Women Representation in the Malaysian Politics*. In Mohd Azizuddin Mohd Sani & Ummu Atiyah Ahmad Zakuan. *Democracy at Work in Malaysia*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Usha Raneer Vadival. (1999). *Tingkah Laku dan Partisipasi Politik Kaum Wanita India: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Tambun, Perak*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaherawati Zakaria. (2008). *Peranan wanita dalam politik dan pembangunan di Malaysia*. Dlm. Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Zahiruddin Zabidi. (2012). *Cerita Kak Wan*. Kuala Lumpur: ceritakakwan.com.
- Zahiruddin Zabidi. (2013). *Cerita Kak Wan: Citra Pesona Seorang Wanita*. Kuala Lumpur: Creative Eclectic.
- Zeenath Kausar. (2001). *Women in Feminism and Politics: New Directions Towards Islamization*. Kuala Lumpur: Leeds Publication.
- Zeenath Kausar. (2018). *From Kaum Ibu to Kaum Reformasi*. In Francis Loh & Anil Netto (Eds), *Regime Change in Malaysia: GE14 and The End of UMNO-BN'S 60-Year Rule*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.